

SARAWAK TEKAD MUNCUL JUARA SUKMA

KETIKA atlet daripada 15 kontinjen termasuk Brunei mula tiba untuk mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia (Sukma) ke-18 di sini, tuan rumah awal-awal lagi melaung keazaman untuk muncul juara keseluruhan.

Menteri Belia, Sukan dan Perpaduan Sarawak, Datuk Seri Michael Manyin Jawong berkata, Sarawak menyasarkan untuk memenangi 72 daripada 392 pingat emas yang dipertandingkan pada temasya yang berlangsung dari 17 hingga 31 Julai ini.

“Sarawak berazam mengulangi kegemilangan dengan muncul juara keseluruhan,” katanya pada majlis penutupan dan penyampaian hadiah Sukma Sarawak 2016 Golf Challenge di Kelab Golf Sarawak di sini, hari ini.

Kontinjen Sarawak yang pernah muncul juara keseluruhan pada 1990, 1992 dan 1994 akan mengambil bahagian dalam kesemua 24 jenis sukan yang dipertandingkan.

Manyin berkata selaku tuan rumah, Sarawak mahu memastikan Sukma kali ini paling berjaya pernah dianjurkan sambil meminta semua pihak terlibat agar memberi sokongan dan kerjasama yang kuat.

“Kami mahukan ia menjadi temasya sukan yang berjaya bukan sahaja untuk Sarawak tetapi untuk seluruh Malaysia kerana ia adalah temasya sukan yang terbesar di negara kita,” katanya.

Sementara itu, ketika ditemui Bernama selepas majlis berkenaan, Manyin berkata kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM50 juta untuk penganjuran kejohanan kali ini, selain RM400 juta untuk kos membina pusat dan kemudahan sukan.

Beliau juga menasihatkan semua atlet agar mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan termasuk menjaga disiplin masing-masing bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini sepanjang temasya itu nanti.

Katanya atlet dari luar Sarawak sudah mula tiba sejak dua hari lalu dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah dijadikan perkampung sukan walaupun ada beberapa kontinjen memilih untuk menempatkan atlet mereka di beberapa hotel di sekitar bandaraya Kuching, Sibuan dan Miri.

--BERNAMA